

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
DI PERASMIAN PERTUNJUKAN ORKID TAHUNAN 1986  
DI TAMAN BUNGA ORKID, KUALA LUMPUR  
PADA HARI KHAMIS, 16HB. OKTOBER, 1986  
PUKUL 4.00 PETANG

---

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Bunga orkid semakin menjadi popular dan setiap tahun semakin ramai anggota masyarakat daripada semua lapisan menunjukkan minat terhadap bunga orkid walaupun pada mulanya orkid hanya dianggap sebagai kegemaran orang-orang yang berada sahaja. Namun demikian harga bunga orkid masih lagi mahal sehingga kebanyakan pekedai-pekedai bunga tidak mampu menggunakannya sebagai bahan gubahan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Jabatan Taman dan Rekreasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kerjasama Persatuan Anggerik Selangor dan Wilayah Persekutuan, telah menubuhkan Taman Bunga Orkid Kuala Lumpur pada 15hb. April tahun ini sempena Persidangan PATA. Semenjak itu, saya diberitahu bahawa ramai yang telah datang melawat ke Taman Bunga Orkid ini. Di samping penggemar-penggemar orkid tempatan, ramai para pelancong dari luar negeri juga mengunjunginya. Kini orkid semakin bertambah terkenal di mana-mana sahaja. Di samping itu, pertandingan dan pertunjukan orkid juga diadakan di gedung-gedung terkemuka.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Persatuan Anggerik Selangor dan Wilayah Persekutuan sentiasa menggalakkan pengusaha-pengusaha bunga ini supaya menanam orkid secara besar-besaran untuk dieksport ke pasaran luar negeri. Dalam hal ini kita semua harus merasa gembira kerana Kerajaan telah bersetuju untuk menggalakkan penanam-penanam orkid mengeksport bunga ini ke luar negeri. Adalah difahamkan bahawa ramai para pelancong luar negeri yang meminati orkid-orkid daripada negara kita. Ini merupakan satu petanda yang baik kepada para penanam orkid tempatan.

4. Penanaman orkid memerlukan masa yang panjang sebelum dapat menghasilkan bunga. Saya berharap pihak Kerajaan dan sektor-sektor swasta akan dapat berusaha bersama untuk meluaskan lagi pasaran keratan bunga orkid, khususnya ke luar negeri.

5. Saya berpendapat bahawa penanaman orkid dapat digalakkan lagi dan akan menjadi lebih meluas jika, di antara lain, usaha-usaha seperti berikut dijalankan. Pertamanya untuk mendapatkan tukaran wang asing, kita hendaklah berusaha mencari pasaran baru di luar negeri, seperti Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain lagi. Keduanya, saya berpendapat negara ini boleh dijadikan 'rumah' orkid tropika, supaya kita lebih dikenali dengan seberapa banyak jenis dan spesies atau 'hybrid' orkid tropika. Saya yakin cara ini akan sedikit sebanyak dapat menarik lebih ramai lagi para pelancong dari luar negeri, bukan sahaja untuk melihat orkid-orkid tropika ini, tetapi juga mungkin membuat pesanan untuk pasaran di negara mereka. Ketiganya, kita harus menggalakkan penanaman orkid secara perdagangan atau besar-besaran di bandar-bandar kecil dan kawasan-kawasan luar bandar. Dengan cara ini kita akan dapat meningkatkan lagi pengeluaran keratan-keratan bunga orkid untuk dieksport. Sekiranya cadangan-cadangan ini mendapat sambutan daripada para penanam orkid di bandar-bandar kecil dan kawasan-kawasan luar bandar, maka

Kerajaan haruslah juga menyusun kemudahan-kemudahan pemasaran melalui agensi-agensinya yang sedia ada seperti FAMA dan sebagainya.

6. Ini merupakan dua tiga cara sahaja, berbagai cara lagi boleh difikirkan dan dengan lebih lanjut. Mungkin tuan-tuan dan puan-puan yang terlibat secara langsung dalam industri ini dapat memikirkan cara-cara lain yang lebih wajar dan berkesan lagi. Walau bagaimanapun, kita akan berjaya ke arah mencapai cita-cita ini sekiranya kita terus berusaha dengan perancangan yang teliti.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur yang berusaha dengan begitu gigih untuk mengadakan Pertunjukkan ini, dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana dijemput untuk menghadiri upacara ini. Dengan harapan bahawa Pertunjukkan Orkid ini akan menarik lebih ramai lagi peminat, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Pertunjukkan Orkid Tahunan 1986 ini.

Terima kasih.

\*\*\*\*\*